



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	3/12/2019	MUKA SURAT	: 29
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

### Ular sawa seberat 45 kilogram melingkar atas meja makan

**KUALA SELANGOR** - Seorang pemilik kedai makan di Kampung Bestari Jaya yang sedang mengemas premisnya terkejut melihat ular sawa menjalar di atas meja makan.

Kejadian jam 9 malam kelmarin itu berlaku ketika mangsa berusia 60-an sedang mengemas kedai makannya.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM) Daerah Kuala Selangor, Kapten (PA) Shaiful Azril Zainal berkata, pihaknya menerima panggilan daripada pemilik kedai kira-kira jam 9.28 malam.

“Seramai empat anggota ke lokasi dan berjaya menangkap ular itu dan dibawa ke Pusat Kawalan Operasi APM Kuala Selangor,” katanya.

Menurutnya, reptilia sepanjang empat meter seberat 45 kilogram itu turut menarik perhatian sepasang suami isteri dari luar negara.

Inaki Pagola, 48, berkata, dia dan isteri, Garbine Izagirre yang

dalam misi berbasikal seluruh dunia berhenti melihat ular sawa yang berada di pusat kawalan itu.

“Saya dan isteri teruja kerana anggota APM menjemput kami bergambar dan memegang reptilia ini,” katanya.



Ular sawa ditemui melingkar di atas meja makan dalam kejadian di Kampung Bestari Jaya di Kuala Selangor malam kelmarin.